



**SIARAN MEDIA**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008**



## **SAMBUTAN KE-12 'FLORIA HEBAT' DISEMPURNAKAN PERASMIAN OLEH RAJA PEMAISURI AGONG**

**PUTRAJAYA, 29 OGOS 2022** – Sekali lagi, Anjung Floria di Presint 4 ditransformasikan menjadi hamparan bunga terbesar sepanjang 7 hari penganjuran FLORIA Diraja Putrajaya 2022 dan membuka tirainya kepada pengunjung mulai **29 Ogos hingga 4 September 2022**.

Majlis Perasmian RFP 2019 disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Turut menghadiri majlis perasmian FLORIA Diraja Putrajaya adalah Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Jalaluddin bin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida Binti Jaafar dan Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud.

Bertemakan '**FLORIA HEBAT**' atau '**Awesome FLORIA**' dengan **orkid sebagai bunga tema**, edisi terkini Festival Bunga dan Taman menghimpunkan lebih-kurang **10,000 pokok orkid** yang dipamerkan dengan lebih daripada 400,000 pokok daripada pelbagai spesies dan kultivar bunga-bunga serta tanaman hiasan. Keindahan seumpama suatu hamparan bunga-bunga yang berwarna-warni dan begitu menarik di dalam suasana landskap dan taman muncul kembali setelah lebih dua tahun ditangguhkan sempena pandemik yang melanda negara. Justeru, FLORIA DiRaja Putrajaya turut **memberi penghormatan kepada petugas barisan hadapan** yang bertungkus lumus menjaga kesihatan rakyat semasa menghadapi pandemik **menerusi pameran *Masterpiece: Tribute to Frontliners***.

Edisi terkini Festival Bunga dan Taman yang meraikan ulang tahun ke-12 dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan sokongan Kementerian Wilayah, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta Tourism Malaysia. Festival ini turut mengambil kira sambutan Jubli Perak Putrajaya yang ke 25 tahun serta sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ke-65.

Pada tahun ini, festival bunga dan taman terbesar di rantau ini memaparkan Bunga Orkid sebagai bunga tema menerusi beberapa komponen menarik di dalam suasana taman yang direka khas buat tatapan para pengunjung. Antara komponen baru yang dijangka menarik lebih ramai pengunjung dan pelancong asing pada tahun ini adalah **Taman Keluarga Malaysia, Taman Koboi dan Sukulen, Taman Instagrammable,**

**Hiasan Dinding Orkid, Terowong Oncidium, Clock Meadow, Taman 'Glow in the Dark' serta Taman Bonsai dan Suiseki** manakala komponen seperti **Laman Astaka DiRaja** dan **laluhan utama yang amat popular kembali dengan wajah baru.**

Berdasarkan populariti program "LAMPU" anjuran Perbadanan Putrajaya, beberapa laluhan dan tapak di Anjung Floria akan dihujani limpahan cahaya berwarna-warni selama tujuh hari menerusi "Gemerlapan FLORIA" yang akan membawa satu pengalaman baharu buat pengunjung. Selain mempamerkan inovasi teknologi kesenian pencahayaan kreatif pada flora dan fauna, FLORIA juga menjadi platform kepada pengunjung menikmati keindahan persekitaran festival pada waktu malam. Justeru itu, **festival ini akan dilimpahi dengan pancaran dan kesan cahaya lampu khas di setiap laluhan utama dan kawasan utama sekitar tapak festival seperti Floral SkyWalk (Floria Gemilang), Terowong Oncidium dan Laluhan Dendrobium.**

Satu pengalaman yang tidak terkata juga turut menanti peminat bunga orkid dengan **Hiasan Dinding Orkid atau Wall of Orchids** yang menghidangkan satu santapan bagi deria penglihatan dengan kepelbagaian spesies orkid serta **17 spesies orkid yang dinamakan atas nama orang-orang kenamaan dari dalam dan luar negara yang dipamerkan serentak menerusi Pameran Orkid VIP** di dalam Floral Pavilion.

Ketika berucap di majlis perasmian **FLORIA Diraja Putrajaya 2022, Menteri Wilayah Persekutuan, YB. Dato' Seri Dr. Shahidan Kasim**, berkata, "Festival bunga dan taman serta landskap yang berkualiti merupakan satu produk ekonomi yang menjadi penyumbang penting kepada sektor pelancongan negara serta dapat mencetuskan pelbagai peluang perniagaan dan perkhidmatan yang luas meliputi bidang-bidang semaian komersil, bekalan bahan tanaman bunga dan hiasan, perundingan landskap, penyenggaraan landskap, perkebunan, bekalan jentera dan peralatan perkebunan, sewaan pokok bunga, hiasan bunga, perundingan persekitaran, pemuliharaan sumber alam dan eko-pelancongan. Secara tidak langsung, FLORIA berperanan sebagai faktor penggalak pertumbuhan dan membantu dalam mempercepatkan transformasi industri bunga-bunga, landskap dan agro-pelancongan negara.

Justeru itu, FLORIA Diraja Putrajaya adalah satu-satunya festival bunga dan taman di Malaysia yang menyediakan pakej pameran bunga serta pelbagai acara dan aktiviti yang lengkap dan amat bertepatan serta sinonim dengan semangat '**Keluarga Malaysia**' yang membolehkan rakyat Malaysia pelbagai kaum, budaya, kepercayaan dan peringkat umur untuk menyertai program dan aktiviti yang disediakan sepanjang festival berlangsung. "

Antara tarikan lain di FLORIA 2022 adalah **taman-taman agensi kerajaan dan korporat** yang disertai oleh **5 agensi korporat dan swasta, 7 jabatan dan agensi kerajaan, dan 5 persatuan/pengusaha bunga** manakala tumpuan pengunjung di dalam Floral Pavilion adalah **Pertandingan Orkid sebanyak 50-60 kategori, Pameran Pereka Tempatan yang disertai oleh 10 pereka, serta Penyertaan Antarabangsa** yang diwakili oleh pereka dan penyusun bunga dari **8 buah negara** iaitu **China, Indonesia, Jerman, Korea, New Zealand, Singapura, Taiwan, dan Thailand.**

Selain itu, Bazar Tanaman (Garden Bazaar) dan Pasar Hortikultur (Horticulture Market) turut diadakan bagi jualan keperluan perkebunan dan tumbuh-tumbuhan seperti pokok hiasan, pokok ulam-ulaman, pokok buah-buahan, pokok bunga berpasu, perabot taman, peralatan taman dan perkhidmatan landskap. Di samping itu,

**Laman Komuniti dan Bazar, Produk Pelancongan dan Laman Seni serta tethered Hot Air Balloon** juga di antara tarikan FLORIA kepada pengunjung pada tahun ini.

Pelbagai aktiviti harian akan diadakan sepanjang tujuh hari FLORIA Diraja Putrajaya berlangsung. Aktiviti-aktiviti ini termasuk **demonstrasi gubahan bunga, bengkel terrarium, bengkel ukiran bunga dan daun, acara hiburan, dan beberapa sesi bual bicara gubahan orkid, bunga dan rekabentuk taman.**

Sebanyak **20 buah sekolah rendah dan menengah akan menyertai Pertandingan Terrarium, manakala 8 buah universiti dan institusi pengajian tinggi** akan menyertai **Pertandingan Taman Universiti** bagi mencungkil bakat muda dalam mereka bentuk dan membina taman mereka sendiri secara "*hands-on*" semasa di FLORIA nanti.

Pembelian tiket boleh didapati di <https://floria.putrajaya.my/> dan harga adalah seperti ketetapan berikut:

BUTIRAN	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA
	KOS(RM)	KOS(RM)
Dewasa	15.00	100.00
Kanak-kanak (7-12 tahun)	5.00	50.00
Warga emas	5.00	50.00
OKU	Percuma	30.00

FLORIA Diraja Putrajaya merupakan pameran bunga dan taman berbentuk festival yang dianjurkan oleh PPj semenjak tahun 2007. Ia dijadikan acara tahunan semenjak tahun 2009 kerana mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari para pengunjung. Festival ini mempamerkan produk-produk komersial dari industri hortikultur dan landskap, pertunjukan taman, demonstrasi oleh pereka taman dan pertunjukan bunga-bunga dari dalam dan luar negara di mana kesemua tarikan ini akan dipersembahkan di dalam suasana taman. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)

**TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK**

Pengarah  
Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya  
Tarikh Ogos 2022

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346.